



**MAJLIS DAERAH LENGONG
PERAK DARUL RIDZUAN**

PERMOHONAN ADALAH DIPELAWA DARIPADA WARGANEGARA MALAYSIA BERUMUR TIDAK KURANG DARI 18 TAHUN YANG BERKELAYAKAN UNTUK MENGISI KEKOSONGAN JAWATAN BERIKUT, KEUTAMAAN AKAN DIBERI KEPADA RAKYAT NEGERI PERAK DARUL RIDZUAN.

- | | | |
|--------------------|---|----------------------------|
| 1. Jawatan | : | Pemandu Kenderaan Gred H11 |
| Taraf Jawatan | : | Tetap |
| Kekosongan Jawatan | : | 1 |

2. SYARAT LANTIKAN :

Calon-calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut :-

- Warganegara Malaysia keutamaan kepada rakyat Negeri Perak Darul Ridzuan;
- Berumur tidak kurang dari 18 tahun dan tidak lebih dari 40 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan.

3. KELAYAKAN KHUSUS :

- Pentaksiran Tingkatan Tiga/Penilaian Menengah Rendah atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan;
- Lesen memandu Kelas D/E/E1/E2/F/G/H/I yang dikeluarkan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan [kecuali Lesen Memandu dalam Tempoh Percubaan (P)];
- Berkebolehan memandu, mengendali dan menyelenggara kenderaan berkenaan yang diluputi oleh skim perkhidmatan ini;
- Kepujian sekurang-kurangnya Gred C dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Pentaksiran Tingkatan Tiga/Penilaian Menengah Rendah atau kelulusan yang setaraf yang diiktiraf Kerajaan.

e) Gaji permulaan Gred H11 ditetapkan mengikut Kelas Lesen Memandu :

- Lesen D : RM 1,264.15
- Lesen E/E1/E2 : RM 1,310.30
- Lesen F/H : RM 1,356.45
- Lesen G/I : RM 1,402.60

4. DESKRIPSI TUGAS :

Bertanggungjawab melaksanakan skop tugas pemanduan kenderaan yang memerlukan lesen memandu daripada Jabatan Pengangkutan Jalan serta menjaga kenderaan/jentera di bawah kelolaannya supaya sentiasa berada dalam keadaan bersih dan selamat untuk setiap perjalanan.

5. CARA MEMOHON :

- a) Permohonan hendaklah dibuat dengan menggunakan Borang Rasmi (MDLG.Pkdm.1/96) yang boleh diambil di Pejabat Majlis Daerah Lenggong atau melalui laman sesawang www.mdlg.gov.my
- b) Calon dikehendaki meyeritakan salinan kad pengenalan, salinan lesen memandu, sijil-sijil berkaitan bersama dengan borang permohonan.
- c) Borang yang lengkap diisi hendaklah dikembalikan ke alamat;

Yang Dipertua,
Majlis Daerah Lenggong,
Jalan Alang Iskandar,
33400 Lenggong,
Perak Darul Ridzuan.

6. Tarikh tutup permohonan adalah pada **13 JULAI 2018.**